

23 Jun 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi BERAMAS
TRADING (BERAMAS)**

BERAMAS TRADING (BERAMAS) telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan AUDIT PENSIJILAN TAHUN 1 Malaysian Sustainable Palm Oil untuk BERAMAS TRADING (BERAMAS). Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 Pusat Timbang yang diuruskan oleh BERAMAS TRADING (BERAMAS).

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi BERAMAS TRADING (BERAMAS) pada 23-24 Julai 2025. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MSPO 2530-4-3-2022 'General Principles for Dealers'. Salinan Standard MSPO 2530-4-3-2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: mysol@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Syarikat	Alamat	GPS Coordinate	Aktiviti
BERAMAS TRADING (BERAMAS)	GM 110, LOT 3467, BATU 1, JALAN KEPAYANG, 28200 TRIANG, BERA	3.3360, 102.6020	Mengumpul dan menjual

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di BERAMAS TRADING (BERAMAS) terdiri daripada:

- i) En. Mohd Johari b Md Kassim sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) En. Mohamad Nadzmi sebagai Juruaudit Pelatih

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 23 Julai 2025 – 24 Julai 2025
Masa : 10.00 pagi- 12.00 tengahhari
Lokasi : BERAMAS TRADING (BERAMAS)

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami.

Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Penyelaras Skim MSPO

Nurul Basyirah bt Bahrum
Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Nurul Basyirah bt Bahrum

Penyelaras Skim MSPO

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.